

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan pastikan data yang diperolehi oleh Syarikat Great Eastern di bawah skim mySalam tidak digunakan oleh syarikat ini untuk tujuan selain dari yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaanya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya

digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650